

Rujukan al-Quran dan al-Hadith dalam Penelitian Fenomena Gempa Bumi

Noor Fazilah Mohd Basiron¹
Monika @ Munirah Abd Razzak²

Abstrak

Bersumberkan al-Quran dan Hadith, pelbagai ilmu dapat ditimba sebagai panduan hidup manusia. Fenomena alam seperti gempa bumi bukanlah satu fenomena alam yang baru. Ia telah dinyatakan dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. Lantaran itu, kejadian fenomena ini ditelusuri secara terperinci dalam makalah ini supaya ia dapat diberikan gambaran yang lebih jelas akan kewujudannya serta cara mendepani bencana alam ini. Makalah ini membincangkan istilah yang digunakan oleh al-Quran dan Hadith dalam memahami pengertian sebenar fenomena gempa bumi. Selain itu, ia mengkaji peristiwa gempa bumi yang diberitakan di dalam al-Quran dan Hadith, serta peristiwa gempa bumi dalam sejarah Islam. Makalah ini juga meninjau bentuk siri kejadian bencana gempa yang berlaku, faktor penyumbang kepada berlakunya bencana gempa bumi serta pandangan berkaitan amalan ketika berlaku gempa bumi.

Kata kunci: gempa bumi, al-Quran, Hadith, bencana alam

*Sources from the Quran and Hadith in
Examining Earthquake Phenomenon*

Abstract

From the Quran and the Hadith, a vast amount of knowledge could be unearthed as guidance for all humanity. Earthquakes are nothing new in human history. It has been recorded in the Quran and the Hadith of the Prophet Muhammad (pbuh). Therefore this phenomenon is studied meticulously in this article to give a clearer picture about earthquakes and how to achieve the best results in dealing with this natural disaster. This article discusses the terms used by both these divinely revealed sources in understanding the real phenomenon of earthquakes. Moreover, it examines stories of earthquakes which are mentioned in the

¹ Noor Fazilah Mohd Basiron, adalah calon ijazah tinggi Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: noorfazilah@siswa.um.edu.my.

² Monika @ Munirah Abd Razzak, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: munirahar@um.edu.my.

Quran and the hadith, in historic evidence of earthquakes in Islam. This article also reviews the series of earthquakes that have occurred, contributing factors on what causes earthquakes as well as views regarding religious practices during the event of an earthquake.

Keywords: *earthquakes, al-Quran, Hadith, natural disaster*

Pendahuluan

Fenomena gempa bumi merupakan antara bencana yang mampu membawa kerosakan dan kemusnahan terhadap hidupan di alam ini. Kehadirannya menyebabkan manusia merasa cemas dan bimbang akan ancaman yang bakal dihadapi. Justeru, pelbagai kajian dan penelitian turut dilakukan bagi mengenali fenomena alam ini secara lebih terperinci. Sebagai umat Islam, pastinya sumber perundangan yang paling utama menjadi pilihan dalam memimpin pedoman semasa melakukan kajian. Sejajar dengan kehendak syariat, ianya mampu membuktikan al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w amat relevan bagi semua umat pada sepanjang zaman serta meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.

Istilah Gempa Bumi di dalam al-Quran dan Hadith

Melalui al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w, terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada kejadian fenomena alam gempa bumi. Istilah-istilah tersebut akan memberi gambaran yang lebih jelas berhubung kejadian fenomena alam tersebut.

Terdapat empat istilah yang berkaitan bencana gempa bumi. Istilah tersebut ialah *al-Zalzalah*, *al-Rajfah*, *al-Khasaf* dan *al-Sayhah*. Istilah yang merujuk kepada gempa bumi secara khususnya ialah *al-Zalzalah* dan *al-Rajfah*. Manakala dua istilah yang lain iaitu *al-Khasaf* dan *al-Sayhah* turut dapat dikaitkan dengan gempa bumi sungguhpun istilah-istilah tersebut mempunyai pelbagai makna yang lain. Antara istilah yang merujuk kepada gempa bumi yang terdapat di dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w adalah seperti di bawah.

Al-Zalzalah

Menurut Ibn Manzur di dalam kitabnya *Lisan al-'Arab*, *Zalzalah* bermaksud tanah yang bergetar dan gegaran yang menyebabkan

berlakunya gempa bumi.³ Kalimah ini juga turut membawa maksud pergerakan yang amat kuat.⁴ Kalimah ini turut memberi makna goncangan bumi yang berlaku secara semula jadi yang terjadi di bawah permukaan tanah.⁵ Walaupun kebanyakan cendekiawan Islam berpendapat Surah al-Zalzalah berkaitan gempa bumi menandakan hari kiamat dan berakhirnya dunia namun ayat pertama Surah al-Zalzalah boleh dianggap sebagai huraian peristiwa gempa bumi.⁶

Jadual 1: Istilah *al-Zalzalah* di dalam al-Quran

Bil	Ayat	Surah/ Ayat
1	إِنَّ زَلْزَلَةً أَلَّا سَاعَةٍ شَيْءٌ عَظِيمٌ ...	al-Hajj (23):1
2	إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَلَهَا	al-Zalzalah (99):1

Jadual 2: Istilah *al-Zalzalah* di dalam Hadith

Bil	Hadith	No.Hadith	Kitab/Hadith
1	قَالَ هُنَاكَ الرِّلَاحُ وَالْفَجْنُ وَهُنَّا يَطْلُعُ قَرْنُ الشَّيْطَانِ	990	Istisqa', Sahih Bukhari
		6681	Fitan, Sahih Bukhari
2	هُنَاكَ الرِّلَاحُ وَالْفَجْنُ وَهُنَّا أَوْ قَالَ مِنْهَا يَنْجُحُ قَرْنُ الشَّيْطَانِ	3953	Manaqib, Sunan al-Tirmidhi
3	لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يُقْبَضَ الْعِلْمُ وَتَكْثُرَ الرِّلَاحُ	989	Istisqa', Sahih Bukhari

³ Ibn Manzur (1999), *Lisan al-‘Arab*, j. 6. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 73-74.

⁴ Ibrahim Mustafa et al. (t.t.), *al-Mu’jam al-Wasit*, j. 1, Istanbul: Maktabah al-Islamiyyah, h. 397. Lihat juga Ahmad bin Yusuf (1993), ‘Umdah al-Huffaz fi Tafsir Ashraf al-Alfaz’, j. 2. Beirut: ‘Alim al-Kutub, h. 165.

⁵ Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah (1994), *Mu’jam al-Wajiz*, Mesir: Wizarah al-Tarbiyyah wa al-Ta‘lim, h. 290.

⁶ Mohsen Ghafory-Ashtiani (2009), “The Islamic View of Earthquakes, Human Vitality and Disaster”, *Disaster Prevention and Management Journal*, bil 18, no. 3, h. 224.

4	أَنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ وَحْدَهُ يُبَصِّرُ الْعِلْمَ وَتَكْثُرُ الرِّلَازِلُ وَيَتَقَارَبُ الزَّمَانُ	6704	Fitan, Sahih Bukhari
5	عَذَابٌ فِي الْآخِرَةِ عَذَابُهَا فِي الدُّنْيَا ⁸ الْفَئُنُّ وَالرِّلَازِلُ وَالْقَتْلُ	4278	Fitan, Sunan Abu Dawud

Al-Rajfah

Ianya didefinisikan di dalam *Lisan al-'Arab* sebagai gegaran.⁷ Kalimah ini juga dapat ditakrifkan sebagai digoncangkan.⁸ Apabila dirujuk di dalam *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi* pentakrifan *al-Rajfah* akan menjadikan kalimah tersebut seerti dengan *al-Zalzalah* yang memberi maksud goncangan.⁹ Menurut al-Maraghi, kata *al-Rajfah* seerti dengan *al-Sayhah* dan *al-Sayhah* pula seerti dengan kalimah *al-Sa'iqa*.

Jadual 3: Istilah *al-Rajfah* di dalam al-Quran

Bil	Ayat	Surah/ Ayat
1	فَأَخَدَهُمْ الرَّجْفَةُ	al-A'raf (7):78&91
2	فَلَمَّا أَخَدَهُمْ الرَّجْفَةُ	al-A'raf (7):155
3	فَكَذَبُوهُ فَأَخَدَهُمْ الرَّجْفَةُ	al-'Ankabut (27):29
4	يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ	al-Muzzammil (73):14
5	يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ	al-Nazi'at (79):6

⁷ Ibn Manzur (1999), op.cit., j. 7, h. 112. Lihat juga Muhammad Abi Bakar bin Abd al-Qadir al-Razi (1989), *Mukhtar al-Sahhah*, Beirut: Maktabah Lubnan, h. 206.

⁸ Ibrahim Mustafa et al. (t.t.), op.cit., h. 331.

⁹ Jama'ah min Kibar al-Lughawiyyin al-'Arab (1989), *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, t.tp.: Larus, h. 508.

Jadual 4 Istilah *al-Rajyah* di dalam Hadith

Bil	Hadith	No.Hadith	Kitab/Hadith
1	اللَّهُمَّ أَكْفِنِيهِمْ إِمَّا شِئْتَ فَرَحْفَ بِهِمْ إِجْبَلٌ فَسَقَطُوا	3005	Zuhud, Sahih Muslim
2	فَرَحْفَ بِهِمْ فَضَرَبَهُ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرِجْلِهِ	4651	Sunnah, Sunan Abu Dawud
3	فَرَحْفَ بِهِمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اثْبُتْ أُخْدُ	3697	Manaqib, Sunan al- Tirmidhi
4	ادْعُوكُرُوا اللَّهُ حَاءَتْ الرَّاجِفَةُ تَتَبَعُهَا الرَّاجِفَةُ جَاءَ الْمَوْتُ	2457	Qiyamah, Sunan al- Tirmidhi
5	فَإِنَّهُ يَكُونُ إِمَّا خَسِيفٌ وَقَدْفٌ وَرَحْفٌ	4307	Malahim, Sunan Abu Dawud
7	ثُمَّ تَرْجُفُ الْمَدِينَةَ بِأَهْلِهَا ثَلَاثَ رَجَحَاتٍ فَيُخْرِجُ اللَّهُ كُلُّ كَافِرٍ وَمُنَافِقٍ	1782	al-Madinah, Sahih Bukhari
8	ثُمَّ تَرْجُفُ الْمَدِينَةَ ثَلَاثَ رَجَحَاتٍ فَيُخْرِجُ إِلَيْهِ كُلُّ كَافِرٍ وَمُنَافِقٍ	6706	Fitan, Sahih Bukhari
9	فَتَرْجُفُ الْمَدِينَةَ ثَلَاثَ رَجَحَاتٍ يَمْرُغُ إِلَيْهِ مِنْهَا كُلُّ كَافِرٍ وَمُنَافِقٍ	2943	Fitan, Sahih Muslim
10	فَتَرْجُفُ الْمَدِينَةَ بِأَهْلِهَا ثَلَاثَ رَجَحَاتٍ	4077	Fitan, Sunan Ibn Majah

Al-Sayhah

Kalimah ini merupakan *masdar* daripada kalimah *shoha*, *yasihu*, *sayhatan*. *Sayhah* bermaksud azab penderitaan.¹⁰ Ia turut menggambarkan pelbagai makna yang lain. Antaranya ialah tempikan, tiupan sangkakala dan serangan yang dilakukan secara

¹⁰ Ibn Manzur (1999), op.cit, j. 7, h. 449.

mengejut.¹¹ Walaupun kalimah tersebut tidak memberi makna gegaran gempa bumi, namun situasi yang dimaksudkan dapat dikaitkan dengan fenomena gempa secara tidak langsung.

Jadual 5: Istilah *al-Sayhah* di dalam al-Quran

Bil	Ayat	Surah/ Ayat
1	وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةُ	Hud (11):67
2	وَأَخَذَتِ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةُ	Hud (11):94
3	فَأَخَذَنَاهُمُ الصَّيْحَةُ مُشْرِقِينَ	al-Hijr (15):73
4	فَأَخَذَنَاهُمُ الصَّيْحَةُ مُصْبِحِينَ	al-Hijr (15):83
5	فَأَخَذَنَاهُمُ الصَّيْحَةُ بِالْحَقِّ	al-Mu'minun (23):41
6	وَمِنْهُمْ مَنْ أَخَذَتُهُ الصَّيْحَةُ	al-'Ankabut (29):40

Jadual 6: Istilah *al-Sayhah* di dalam hadith

Bil	Hadith	No.Hadith	Kitab/Hadith
1	فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ تَبِلِيهِ إِلَّا الشَّقَّلَيْنِ	1338	Jana'iz, Sahih Bukhari
2	فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ تَبِلِيهِ عَيْرُ الشَّقَّلَيْنِ	2051	Jana'iz, Sunan Nasa'i
3	فَيَصِيحُ صَيْحَةً يَسْمَعُهَا الْخُلُقُ عَيْرُ الشَّقَّلَيْنِ	4751	Sunnah, Sunan Abu Dawud

¹¹ Hj Othman bin Hj Khalid et al. (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1380.

Al-Khasaf

Kalimah ini berasal dari *khasafa*, *yakhsifu*, *khasfan*. Ianya bermaksud membenamkan dalam tanah dengan apa yang ada atasnya.¹² Istilah ini telah digunakan di dalam al-Quran sebagai menunjukkan salah satu daripada empat jenis seksaan yang ditimpakan kepada orang-orang yang derhaka kepada Allah.

Jadual 7: Istilah *al-khasaf* di dalam al-Quran

Bil	Ayat	Surah/ Ayat
1	لَوْلَا أَنْ مَنْ أَنْعَمْنَا لَهُ سَفَّا بِنَا	al-Qasas (28):82
2	فَسَفَّنَا بِهِ وَبِدَارِهِ الْأَرْضَ	al-Qasas (28):81
3	وَمِنْهُمْ مَنْ حَسَّفَنَا بِهِ الْأَرْضَ ...	al-‘Ankabut (29):40
4	إِنْ دَشَّ حَسَّفْنَا بِهِمُ الْأَرْضَ	Saba' (34):9
5	أَنْ تَحْسِفَ اللَّهُ بِهِمُ الْأَرْضَ	al-Nahl (16):45
6	أَنْ تَحْسِفَ بِكُمْ جَانِبَ الْبَرِّ	al-Isra' (17):68
7	أَنْ تَحْسِفَ بِكُمُ الْأَرْضَ	al-Mulk (67):16

Jadual 8: Istilah *al-Khasaf* di dalam Hadith

Bil	Hadith	No.Hadith	Kitab/Hadith
1	إِذْ حَسَّفَ اللَّهُ بِهِ فَهُوَ يَتَحَلَّجُ إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ	5452	Libas, Sahih Bukhari
2	إِذْ حَسِّفَ بِهِ الْأَرْضُ فَهُوَ يَتَحَلَّجُ فِي الْأَرْضِ حَتَّى تَغُومَ السَّاعَةُ	2088	Libas, Sahih Muslim
3	فَحَسَّفَ اللَّهُ بِهِ الْأَرْضَ فَهُوَ يَتَحَلَّجُ فِيهَا إِلَيْهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ	2088	Libas, Sahih Muslim

¹² Ibn Manzur (1999), op.cit., j. 4, h. 91.

4	خُسِفَ بِهِ فَهُوَ يَسْجُلُ لَهُ فِي الْأَرْضِ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ	5336	Zinah, Sunan al-Nasa'i
5	خُسِفَ بِهِ يَوْمُ الْقِيَامَةِ إِلَى سَبْعِ أَرْضِينَ	2322	Mazalim, Sahih Bukhari
6	إِنْ سَبَّعْتَنِي بِهَا أَنْ يُحْسَفَ بِي أَوْ أُعَذَّبَ	2863	Amthal, Sunan al-Tirmidhi
7	فَسَأَلَاهَا عَنِ الْجُنُوشِ الَّذِي يُحْسَفُ بِهِ	2882	Fitan, Sahih Muslim
8	فَإِذَا كَانُوا بِيَدِهِمْ مِنَ الْأَرْضِ يُحْسَفُ بِأَوْلَاهُمْ وَآخِرَهُمْ	2012	Buyu', Sahih Bukhari
9	بِقِصَّةِ جَيْشِ الْخَسْفِ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَيْفَ يُمْكِنُ كَانَ كَارِهًا	4289	Mahdi, Sunan Abu Dawud
10	الْجُنُوشُ الَّذِي يُحْسَفُ بِهِمْ	4065	Fitan, Sunan Ibn Majah
11	وَقَالَ فِي آخِرِهِ أَعُوذُ بِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي يَعْنِي بِلِيلِكَ الْخَسْفَ	5530	Isti'azah, Sunan al Nasa'i
12	وَأَعُوذُ بِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي قَالَ وَكَيْمَ يَعْنِي الْخَسْفَ	3871	Doa, Sunan Ibn Majah
13	يَكُونُ فِي آخِرِ الْأُمَّةِ خَسْفٌ وَمَسْنَعٌ وَقَذْفٌ	2185	Fitan, Sunan al-Tirmidhi
14	قَالَ فِي هَذِهِ الْأُمَّةِ خَسْفٌ وَمَسْنَعٌ وَقَذْفٌ	2212	Fitan, Sunan al-Tirmidhi

15	يَكُونُ فِي أُمَّتِي حَسْنَفٌ وَمَسْنَخٌ	2153	Qadar, Sunan al-Tirmidhi
16	فَإِنَّهُ يَكُونُ بِهَا حَسْنَفٌ وَقَدْفٌ وَرَحْفٌ	4307	Malahim, Sunan Abu Dawud
17	قَالَ بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ مَسْنَخٌ وَحَسْنَفٌ وَقَدْفٌ	4059	Fitan, Sunan Ibn Majah
18	وَثَلَاثَةٌ خُسُوفٌ حَسْنَفٌ بِالْمَشْرِقِ وَحَسْنَفٌ بِالْمَغْرِبِ وَحَسْنَفٌ بِالْعَرَبِ	2901	Fitan, Sahih Muslim
		4311	Malahim, Sunan Abu Dawud
		2183	Fitan, Sunan Tirmidhi
		4055	Fitan, Sunan Ibn Majah
19	حَسْنَفٌ بِالْمَشْرِقِ وَحَسْنَفٌ بِالْمَغْرِبِ وَحَسْنَفٌ فِي جَزِيرَةِ الْعَرَبِ	2901	Fitan, Sahih Muslim

Keseluruhan ayat-ayat al-Quran dan nas-nas hadith yang dinyatakan di atas merupakan ayat dan nas yang hanya berkaitan dengan bencana gempa bumi dan sebaliknya ayat dan nas yang menggunakan istilah yang sama tetapi menyatakan maksud yang berlainan tidak dinyatakan di dalam jadual tersebut.

Berdasarkan penelitian terhadap empat istilah tersebut di dapati di dalam al-Quran terdapat dua ayat menggunakan istilah *al-Zalzalah*, lima ayat yang menggunakan istilah *al-Rajfah*, enam ayat menggunakan istilah *al-Sayhah* dan tujuh ayat menggunakan istilah *al-Khasaf*.

Penelitian terhadap empat istilah tersebut di dalam hadith Nabi s.a.w yang memfokuskan hanya kepada *sunan sittah* mendapati bahawa sejumlah lima nas hadith menggunakan istilah *al-Zalzalah*, sepuluh nas hadith menggunakan istilah *al-Rajfah*, Sembilan belas nas hadith menggunakan istilah *al-Khasaf* dan tiga nas hadith lagi menggunakan istilah *al-Sayhah*.

Peristiwa Gempa Bumi Menurut Sejarah Islam

Bencana gempa bumi telah tercatat kejadianya di dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. Selain itu, peristiwa ini turut dapat ditelusuri melalui kisah-kisah sejarah Islam pada masa lalu. Justeru, segala peristiwa yang telah berlaku wajar dijadikan panduan serta iktibar dalam menghadapi bencana ini.

Kisah Peristiwa Gempa Bumi pada Zaman Nabi-nabi

Al-Quran juga turut merakamkan kisah kejadian bencana gempa bumi yang menimpa umat-umat terdahulu seperti kisah umat Nabi Soleh, umat Nabi Lut dan umat Nabi Syu‘ib. Kisah umat Nabi Soleh iaitu Kaum Thamud telah menerima balasan bencana berbentuk gempa bumi akibat perbuatan kaum tersebut membunuh unta Nabi Soleh serta mendustakan ajaran yang disampaikannya.¹³ Dikisahkan bahawa pada waktu matahari terbit, tiba-tiba suara keras datang dari langit dan goncangan yang hebat datang dari bawah mereka.¹⁴ Justeru itu, Allah menurunkan balasan berupa seksaan terhadap kaum tersebut.

Seterusnya Kaum Madyan turut mengalami bencana berbentuk gempa bumi lantaran perbuatan mereka menipu dalam melakukan sukatan dan timbangan di samping ketidaktaatan mereka terhadap seruan dakwah yang telah disampaikan oleh Nabi Syu‘ib. Lantaran itu pada masa gempa bumi melanda, mereka mati dalam keadaan terduduk di atas lutut mereka di tempat tinggal masing-masing.¹⁵ Bencana gempa tersebut telah dinyatakan pada ayat 37 Surah al-‘Ankabut dan ayat 94 Surah Hud.

Dikisahkan juga di dalam al-Quran perihal kaum Nabi Lut yang turut ditimpak bencana gempa bumi. Kaum Nabi Lut terkenal dengan sifat buruk mereka yang gemar melakukan hubungan sesama jantina. Walaupun telah dilarang, namun mereka tetap juga melakukan perbuatan yang dikeji itu. Lantaran itu, Allah mengirim

¹³ Terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang menceritakan kisah Nabi Soleh. Antaranya Surah al-A'raaf (7):73-79, Surah Hud (11):61- 68 dan Surah Al-Qamar (54):23- 32.

¹⁴ ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Isma‘il bin Kathir (2000), *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Mustafa Sayyid Muhammad et al. (tahqiq), Mesir: Maktabah Awlad al-Syeikh al-Turath, j. 6, h. 342.

¹⁵ Jalal al-Din Muhammad al-Mahalli et al. (1989), *Tafsir Jalalayn*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 1693-1694.

bencana gempa sebagai balasan terhadap kedegilan mereka.¹⁶ Peristiwa tersebut telah dirakamkan di dalam Surah al-Hijr ayat 73.

Kesemua umat-umat tersebut telah mengalami bencana gempa bumi akibat balasan yang ditimpakan oleh Allah lantaran kedegilan serta keingkaran mereka terhadap perintah Allah. Di samping itu, dikhabarkan juga keadaan gegaran yang bakal berlaku apabila hari kiamat tiba. Allah turut memberi penjelasan situasi yang bakal berlaku apabila gegaran menjelang kiamat kelak.¹⁷

Kisah Peristiwa Gempa Bumi pada Zaman Sahabat

Hadith Nabi s.a.w turut mengkhabarkan berkaitan peristiwa gempa bumi. Nabi turut berpesan bahawa hari kiamat semakin hampir apabila berlakunya banyak siri kejadian gempa bumi. Sabda Nabi s.a.w:

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شَعِيبٌ قَالَ أَخْبَرَنَا أَبُو الزِّنَادِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ
الْأَعْرَجِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَقُومُ السَّاعَةُ
حَتَّىٰ يُقْبَضَ الْعِلْمُ وَتَكُشُّرَ الرَّلَازِلُ وَيَتَعَارَبَ الزَّمَانُ وَتَظْهَرَ الْفَتْنَةُ وَيَكُشُّرَ الْمَرْجَعُ
وَهُوَ الْفَتْلُ الْفَتْلُ حَتَّىٰ يَكُشُّرَ فِيْكُمُ الْمَأْلُ فَيَقِيْضُ. ¹⁸

Maksudnya: Syu‘ib berkata telah memberitahu Abu al-Zinad daripada Abd al-Rahman al- A‘raj daripada Abu Hurairah r.a katanya: telah bersabda Nabi s.a.w tidak akan terjadi hari kiamat sehingga diangkat ilmu dan berlaku gempa bumi di mana-mana, masa semakin cepat, berlaku bermacam macam fitnah dan huru-hara iaitu pembunuhan dan pembunuhan di merata tempat dan sehingga harta kekayaan berlipat ganda sehingga melimpah ruah.

¹⁶ Kisah Nabi Lut terdapat pada beberapa surah di dalam al-Quran seperti berikut: Surah al A‘raf (7):80-84, Surah Hud (11):69-83, Surah al-Hijr (15):51-77, Surah Al-Syu‘ara’ (26):160-175, Surah al-Naml (27):54-58, Surah Al-‘Ankabut (29):28-35, Surah Al-Saffat (37):133-138, Surah Al-Dhariyat (51):31-37, dan Surah Al-Qamar (54):33-40.

¹⁷ Penjelasan tentang keadaan gegaran hari kiamat terdapat pada ayat-ayat berikut: Surah al-Hajj (22):1-2 dan Surah al-Zalzalah (99):1-8.

¹⁸ Ahmad bin ‘Ali bin Hajar Al-Asqalani (2000), *Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhari*, Kitab al-Istisqa’, Bab Ma Qila fi al-Zalazil wa al-Ayat, no. Hadith 1036, j. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 662.

Selanjutnya, pelbagai kisah daripada Hadith Nabi s.a.w dan juga kitab-kitab yang lain dapat ditelusuri berhubung peristiwa gempa yang telah berlaku pada zaman sahabat dan tabi'in. Antara kisah gegaran yang telah berlaku seperti yang dinyatakan pada Hadith berikut:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ زُرْبٍ، حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ، حَدَّثَنَا يَحْيَى الْمَعْنَى،
قَالَ: حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي عَرْوَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ، حَدَّثَنَاهُ أَنَّ
نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَعِدَ أَخْدَى فَتَبَعَهُ أَبُو بَكْرٍ، وَعُمَرُ، وَعُثْمَانُ،
فَرَجَفَ بِهِمْ فَضَرَّهُ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرْخِلِهِ وَقَالَ: «إِنَّمَا أَخْدُ نَبِيًّا
وَصَدِيقًا وَشَهِيدَانِ». ¹⁹

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Musaddad berkata, telah menceritakan kepada kami Yazid bin Zuray' (dalam jalur lain disebutkan) telah menceritakan kepada kami Musaddad berkata, telah menceritakan kepada kami Yahya secara makna, keduanya berkata, telah menceritakan kepada kami Sa'id bin 'Arubah,dari Qatadah bahawa Anas bin Malik menceritakan kepada mereka bahawa Nabi s.a.w pernah mendaki gunung Uhud, kemudian baginda diikuti oleh Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman, hingga gunung itu bergetar, Nabi s.a.w kemudian menghentakkan kakinya seraya mengatakan: "Tenanglah wahai Uhud, sesungguhnya di sisimu ada seorang Nabi, seorang Siddiq dan dua orang Syahid.

Antara lain, kisah gegaran yang telah berlaku pada zaman sahabat adalah seperti Hadith berikut:

¹⁹ Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath (2010), *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Sunnah, Bab fi al-Khulafa', no. hadith 4651, j. 4, Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, h. 212.

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي عَوْبَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، أَنَّ أَنْسًا حَدَّثَهُمْ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدَّقَ أَخْدَا وَأَبُو بَكْرٍ وَعُثْمَانَ فَرَجَفَ بِهِمْ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا أَخْدُ فِيمَا عَيْنَكُمْ نَيِّرٌ وَصَدِيقٌ وَشَهِيدَانٌ: هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ.²⁰

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Bashshar, telah menceritakan kepada kami Yahya bin Sa‘id dari Sa‘id bin Abi ‘Arubah dari Qatadah bahawa Anas telah menceritakan kepada mereka bahawa Rasulullah s.a.w mendaki gunung Uhud bersama Abu Bakr, ‘Umar dan ‘Uthman, tiba-tiba gunung itu bergetar, maka Rasulullah s.a.w bersabda: “Tenanglah wahai Uhud kerana bersamamu ada seorang Nabi dan Siddiq serta dua orang Syahid. Abu ‘Isa berkata Hadith ini adalah Hadith hasan sahih.

Kisah Peristiwa Gempa Bumi selepas Zaman Sahabat

Terdapat banyak peristiwa gempa bumi berlaku dan telah dicatatkan kejadiannya di dalam sejarah Islam. Ianya menjadi bukti bahawa fenomena ini telah lama berlaku dan bukan fenomena baru pada alaf ini.

Antara contoh kejadian gempa bumi yang berlaku selepas zaman sahabat ialah peristiwa gempa bumi yang berlaku pada tahun 212 Hijrah bersamaan 827 Masihi di Yaman. Kejadian gempa yang paling teruk berlaku di kawasan Aden dan telah menyebabkan kemusnahan pada rumah kediaman, kawasan penempatan penduduk dan mengorbankan ramai mangsa.²¹

Selain itu, peristiwa gempa bumi turut berlaku pada 245 Hijrah di kawasan Antokiyyah. Bencana tersebut telah mengorbankan banyak mangsa dan memusnahkan 1500 kediaman.²² Kejadian gempa bumi juga berlaku pada 242 Hijrah

²⁰ Muhammad bin ‘Isa al-Tirmidhi (2010), *Sunan al-Tirmidh'i*, Kitab Manaqib Bab Manaqib Uthman bin Affan, no. hadith 3697, j. 5, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 624.

²¹ Abu al-Hasan ‘Ali bin Abi al-Karam Muhammad Ibn Athir (1987), *al-Kamil fi al-Tarikh*, Abi al-Fida’ Abd Allah al-Qadi (tahqiq), Beirut: Lubnan, j. 5, h. 488.

²² Muhammad bin Jarir (2010), *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Beirut: Dar al-Turath, j. 9, h. 213.

bersamaan 856 Masihi.²³ Peristiwa tersebut dipercayai berlaku di Parsi, Khurasan dan Syam. Akibat kejadian itu telah menyebabkan ribuan mangsa terkorban.

Tinjauan Bentuk Kejadian Gempa Bumi

Di dalam al-Quran, Allah telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa bentuk azab dan ujian yang menimpa manusia. Bentuk azab dan ujian itu telah diutarakan di dalam surah al-'Ankabut dan surah al-An'am seperti berikut:

وَمِنْهُمْ مَنْ أَخْذَتْهُ الصَّيْحَةُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَسَّفْنَا بِهِ الْأَرْضَ
وَمِنْهُمْ مَنْ أَغْرَقْنَا

Maksudnya: Dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggemparkan bumi, dan ada yang Kami timbus di dalam bumi, dan ada pula yang kami tenggelamkan di dalam laut.²⁴

Firmannya lagi:

قُلْ هُوَ الْقَادِرُ عَلَىٰ أَنْ يَعْثِثَ عَلَيْكُمْ عَذَابًا مِّنْ فَوْقِكُمْ أَوْ
مِّنْ تَحْتِ أَرْجُلِكُمْ أَوْ يَلْبِسُكُمْ شِيَعًا وَيُدِينِيقَ بَعْضَكُمْ بَاسَ بَعْضٍ
أَظْرِ كَيْفَ نُصَرِّفُ الْآيَتِ لِعَاهِمَ يَفْقَهُونَ

Maksudnya: Katakanlah: Dialah yang berkuasa untuk mengirimkan azab kepadamu, dari atas kamu atau dari bawah kakimu atau Dia mencampurkan kamu dalam golongan-golongan (yang saling bertengangan) dan merasakan kepada sebahagian kamu keganasan sebahagian yang lain. Perhatikanlah, betapa Kami mendatangkan tanda-tanda kebesaran Kami silih berganti agar mereka memahami (nya).²⁵

Jika diteliti, pada ayat-ayat tersebut terkandung ciri-ciri yang dapat dikaitkan dengan kejadian gempa bumi. Pada kebiasaannya, apabila fenomena gegaran gempa bumi terjadi maka akan

²³ Ahmad bin Abi Ya'qub Al-Ya'qubi (t.t.), *Tarikh al-Ya'qubi*, t.tp.: t.p., h. 351.

²⁴ Surah al-'Ankabut (29):40.

²⁵ Surah al-An'am (6):65.

berlakulah keadaan seperti yang digambarkan pada ayat-ayat tersebut. Para Mufasirin berpendapat bahawa azab yang dimaksudkan pada ayat 65 surah al-An‘am termasuk bencana seperti gempa bumi. Antara bentuk kejadian gempa bumi adalah seperti berikut.²⁶

Penimbasan ke dalam Tanah

Kalimah yang dikaitkan dengan bentuk kejadian ini ialah kalimah *al-khasaf*. Kejadian tanah runtuh semasa gempa bumi telah menyebabkan berlakunya penimbasan segala benda dan makhluk yang berada pada tempat kejadian tertimbus ke dalam tanah. Fenomena ini telah dirakamkan di dalam al-Quran seperti yang berlaku kepada Qarun.²⁷ Qarun disifatkan sebagai orang yang kufur kepada nikmat Allah. Beliau telah dianugerahkan ilmu dan kekayaan yang melimpah-ruah. Namun sifatnya yang sompong dan membangga diri telah menyebabkannya menerima balasan yang berbentuk gegaran yang disusuli pembedaman ke dalam tanah.

Letusan Suara

Terdapat kejadian gempa yang diiringi dengan suara gempa. Lafaz yang dapat dikaitkan dengan situasi gempa ini adalah kalimah *al-Sayhah*. Peristiwa tersebut dapat dikesan di dalam al-Quran. Terdapat kisah umat terdahulu yang telah ditimpa gegaran gempa serta diiringi dengan letusan suara yang amat menggerunkan sehingga mereka mati bergelimpangan seperti peristiwa yang menimpa kaum Nabi Saleh, kaum Nabi Syu‘ib dan kaum Nabi Lut.

Gegaran Muka Bumi serta Kehancuran Alam

Kejadian gempa bumi yang digambarkan di dalam a-Quran dan hadith berlaku dimulakan dengan kejadian gegaran pada permukaan bumi sehingga setiap sesuatu yang berada pada muka

²⁶ Noor Fazilah bt Mohd Basiron dan Monika @ Munirah Abdul Razzaq (2012), “Penjelasan al-Quran dalam Memahami Bencana Gempa Bumi”, (Kertas Kerja International Seminar on al-Quran in Contemporary Society, di Permai Hotel Kuala Terengganu, Terengganu, pada 1-2 Disember 2012).

²⁷ Kisah Qarun dapat diikuti di dalam al-Quran pada Surah al-Qasas (28):76&79, Surah al-Ankabut (29):39 dan juga Surah Ghafir (40):24.

bumi tidak dapat tetap pada tempatnya. Lantaran itu, berlakulah kebinasaan dan kehancuran alam. Situasi ini dapat dilihat pada masa sekarang apabila kejadian bencana gempa bumi berlaku pada skala yang besar. Pada kebiasaannya sesuatu tempat yang dilanda bencana gempa akan mengalami gegaran dan seterusnya memusnahkan segala yang berada di tempat kejadian. Peristiwa yang lebih dahsyat bakal berlaku menjelangnya hari kiamat. Khabar berita tersebut telah dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadith.

Perlakuan Manusia sebagai Faktor Penyumbang kepada Kejadian Fenomena Gempa Bumi

Di dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w jelas menunjukkan bahawa terdapat kaitan antara perilaku manusia dengan kejadian fenomena gempa bumi. Ternyata fenomena tersebut bukan terjadi dengan sendirinya bahkan ianya terjadi akibat tindakan manusia yang mengundang bencana tersebut terjadi. Perbuatan manusia yang rakus mengejar kemewahan dengan merosakkan alam semula jadi telah menyebabkan kedudukan alam menjadi tidak stabil. Perkara ini jelas dapat diperhatikan pada firman Allah:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبُتْ أَيْدِي النَّاسِ
لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرَجُعُونَ

Maksudnya: Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).²⁸

Selain itu, berdasarkan peristiwa gempa bumi yang lalu, ternyata dengan perilaku manusia yang melakukan pelbagai kemungkaran serta perkara yang bertentangan dengan perundangan Islam telah menyebabkan Allah mengirim pelbagai bencana khususnya gempa bumi sebagai teguran serta peringatan kepada manusia yang telah leka dan lalai dalam mengerjakan segala perintah yang telah diamanahkan. Lantaran itu, konsep

²⁸ Surah ar-Rum (30):41.

“amar makruf” bagi setiap individu amat dititikberatkan supaya melakukan perbuatan yang baik. Sebaliknya, konsep “nahi mungkar” menyeru mereka supaya dilarang berbuat zalim dan juga kejahanan.²⁹

Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa gempa termasuk tanda kekuasaan Allah untuk menimbulkan ketakutan pada hambaNya, samalah hal keadaannya dengan peristiwa gerhana matahari atau bulan dan peristiwa-peristiwa bencana malapetaka yang lain. Kejadian-kejadian tersebut mempunyai sebab dan hikmah. Salah satu hikmahnya adalah untuk menimbulkan ketakutan kepada Allah s.w.t

Pandangan Berkaitan Amalan ketika Menghadapi Gempa Bumi

Berdasarkan kisah kejadian gempa yang telah berlaku, terdapat pandangan berkaitan amalan ketika menghadapi bencana gempa. Ianya bertepatan dengan ajaran Islam yang menggariskan tindakan untuk dilakukan sebagai panduan menghadapi bencana tersebut. Antara pandangan tersebut adalah seperti di bawah.

Menurut al-Suyuti

Menurut al-Suyuti dalam kitab karangannya bertajuk *Kashfu al-Salsalati ‘an Wasfi al-Zalzalah* antara amalan yang dapat dilakukan ketika gempa bumi ialah memohon keampunan dengan bertaubat, memperbanyakkan berzikir dan melakukan solat.

Menurut al-Suyuti dengan cara berzikir dapat menghindarkan bencana dan juga azab Allah s.w.t. Solat yang dianjurkan ialah solat sunat ketika berlaku gempa. Kaedah melakukan solat adalah berdasarkan solat yang dilakukan oleh Saidina Ali bin Abi Talib ketika gempa bumi berlaku dengan melakukan enam kali ruku dan empat kali sujud.³⁰

²⁹ Mohsen Ghafory-Ashtiani (2009), “The Islamic View of Earthquakes, Human Vitality and Disaster”, *Disaster Prevention and Management Journal*, bil 18, no. 3, h. 218-232.

³⁰ Abdul Rahman bin Rajab al-Hanbali (1996), *Fathul Bari*, Kitab al-Istisqa’, Bab Ma Qila Fil Zalazil wal-Ayat, j. 9, Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Ghuraba’ al-Athariyyah, h. 249.

Menurut Umar bin Abdul Aziz

Sewaktu berlaku peristiwa gempa bumi pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz, beliau telah menulis surat kepada pegawai di seluruh kawasan jajahannya. Beliau menyatakan bahawa gempa yang Allah berikan merupakan teguran kepada hamba-hambanya. Beliau turut memerintahkan penduduknya keluar pada hari dan bulan yang telah ditentukan. Beliau turut menggesa supaya bersedekah. Di samping itu, beliau turut menyeru penduduk supaya berdoa seperti berikut³¹:

Pertamanya, firman Allah s.w.t:

قَالَ رَبِّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرَحَّمْنَا
لَنْ كُونَنَّ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya: Ya Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya pastilah kami termasuk orang-orang yang merugi.³²

Keduanya, firman Allah s.w.t:

قَالَ رَبِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَإِلَّا تَغْفِرْ لِي
وَتَرَحَّمْنِي أَكُونُ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Maksudnya: Dan katakanlah sebagaimana Nuh berkata, “Dan sekiranya Engkau tidak memberi ampun kepadaku, dan (tidak) menaruh belas kasihan kepadaku, nescaya aku akan termasuk orang-orang yang merugi.”³³

Ketiganya, firman Allah s.w.t:

وَذَا الْنُونِ إِذْ ذَهَبَ مُغَضِّبًا فَظَنَّ أَنْ لَنْ نَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَى فِي
آلَظَلَمَتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْتَ حَنْكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

³¹ Ibn al-Qayyim Jawziyyah (t.t.) *al-Da’ wa al-Dawa’* t.tp.: Dar al-‘Alim al-Fawa’id, h. 112-113; Abu Na’im Ahmad bin ‘Abd Allah al-Asfahani (1996), *Hilyah Awliya’*, Beirut: Dar al-Fikr, j. 5, h. 304-305.

³² Surah al-A’raf (7):23.

³³ Surah Hud (11):47.

Maksudnya: Dan katakanlah sebagaimana Yunus berkata, “Tidak ada Tuhan selain Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku adalah termasuk orang-orang yang zalim.”³⁴

Berdasarkan kisah-kisah tersebut dapatlah diambil iktibar dan dijadikan sebagai panduan ketika menghadapi bencana gempa bumi. Di samping itu, ianya memberikan dimensi baru terhadap tanggapan masyarakat berhubung kejadian fenomena gempa bumi yang berlaku. Ianya juga mampu meningkatkan paradigma dalam kalangan masyarakat khususnya para ilmuwan untuk mengkaji dengan lebih terperinci tentang peristiwa yang berlaku serta mencetuskan idea-idea baharu dalam menghadapi bencana tersebut sebagai pedoman pada masa akan datang.

Penutup

Secara kesimpulannya, fenomena gempa bumi jelas telah berlaku dan tercatat di dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. Penjelasan berhubung fenomena ini dapat diketahui melalui pelbagai istilah yang telah dinyatakan di dalam al-Quran dan Hadith Nabi s.a.w. Kejadian bencana ini telah memberi pelbagai mesej yang sarat dengan panduan dan pengajaran terhadap umat pada masa kini dan akan datang dalam mengharungi malapetaka ini. Ianya juga sudah pasti menjadi peringatan kepada umat manusia supaya sentiasa berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar serta menjauhi segala perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Di samping itu, peristiwa gempa bumi juga mampu membangkitkan kesedaran dalam kalangan umat berhubung berlakunya hari kiamat yang bakal menjelang. Justeru, Setiap umat perlu mengambil faedah dan pengajaran serta melakukan persediaan bagi menghadapi hari yang penuh kehancuran itu.

Bibliografi

- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash‘ath (2010), *Sunan Abi Daud*, Beirut: Maktabah al-‘Asriyyah.
- Al-Asfahani, Abu Na‘im Ahmad bin ‘Abd Allah (1996), *Hilyah Awliya’*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Asqalani, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar (2000), *Fath al-Bari Sharh Sahih Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

³⁴ Surah Al-Anbiya’ (21):87.

- Al-Razi, Muhammad Abi Bakar bin Abd al-Qadir (1989), *Mukhtar al-Sahhah*, Beirut: Maktabah Lubnan.
- Al-Tirmidhi, Muhammad bin ‘Isa (2010), *Sunan al-Tirmidhi*, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Ya‘qubi, Ahmad bin Abi Ya‘qub (t.t.), *Tarikh al-Ya‘qubi*, t.tp.: t.p.
- Hj Othman bin Hj Khalid et al. (2006), *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn al-Qayyim Jawziyyah (t.t.), *al-Da’ wa al-Dawa’* t.pt.: Dar al-‘Alim al-Fawaid.
- Ibn Athir, Abu al-Hasan ‘Ali bin Abi al-Karam Muhammad (1987), *al-Kamil fi al-Tarikh*, Abi al-Fida’ Abd Allah al-Qadi (tahqiq), Beirut: Lubnan.
- Ibn Jarir, Muhammad (2010), *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk*, Beirut: Dar al-Turath.
- Ibn Kathir, ‘Imad al-Din Abi al-Fida’ Isma‘il (2000), *Tafsir al-Quran al-‘Azim*, Mustafa Sayyid Muhammad et al. (tahqiq), Mesir: Maktabah Aulad al-Syeikh al-Turath.
- Ibn Manzur (1999), *Lisan al-‘Arab*, Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Ibn Yusuf, Ahmad (1993), ‘Umdah al-Huffaz fi Tafsir Ashraf al-Alfaz’, Beirut: ‘Alim al-Kutub.
- Ibrahim Mustafa et al. (t.t.), *al-Mu‘jam al-Wasit*, Istanbul: Maktabah al-Islamiyyah.
- Jalal al-Din Muhammad al-Mahalli et al. (1989), *Tafsir Jalalayn*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Jama‘ah min Kibar al-Lughawiyyin al-‘Arab (1989), *Mu‘jam al-‘Arabi al-Asasi*, t.t.: Larus.
- Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah (1994), *Mu‘jam al-Wajiz*, Mesir: Wizarah al-Tarbiyyah wa al-Ta‘lim.
- Mohsen Ghafory-Ashtiany (2009), “The Islamic View of Earthquakes, Human Vitality and Disaster,” *Disaster Prevention and Management Journal*, bil 18, no. 3.
- Noor Fazilah bt Mohd Basiron dan Monika @ Munirah Abdul Razzak (2012), “Penjelasan al-Quran dalam Memahami Bencana Gempa Bumi”, (Kertas Kerja International Seminar on al-Quran in Contemporary Society, di Permai Hotel Kuala Terengganu, Terengganu, pada 1-2 Disember 2012).